



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 29 Tahun 2018

TAWARAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN PROFESIONAL DAN PELAKSANA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA TAHUN 2018

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan Profesional dan Pelaksana Universiti Teknologi MARA yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- (ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- (iii) Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- (iv) Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- (v) Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- (vi) Telah mengisyiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun); dan
- (vii) Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.

3. Jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti dalam Lampiran 1.

PELAKSANAAN

4. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:
- i) Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
 - ii) Permohonan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional hendaklah mengemukakan satu salinan Folio Peribadi yang lengkap (boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat) kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya sebelum tarikh tutup permohonan.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
 - iv) Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
 - v) Hanya pemohon yang telah disenarai pilih akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaraian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
 - vi) Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
 - vii) Tarikh tutup permohonan adalah pada **12 November 2018**.
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses).

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling dikeluarkan pada 29 Oktober 2018.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 29 Oktober 2018.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan

Semua Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 29/2018)

Lampiran 1

Kumpulan Pengurusan dan Profesional :

Bil.	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Memohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Timbalan Ketua Pustakawan Kanan	S52	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	1
2.	Pegawai Teknologi Maklumat Kanan	F44	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	1
3.	Penolong Bendahari Kanan	W44	Universiti Teknologi MARA Shah Alam / Cawangan	1	UiTM seluruh sistem	2

Kumpulan Pelaksana 1 :

Bil.	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Memohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Pegawai Eksekutif Kanan	N32	UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau	1	UiTM seluruh sistem	2

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

1. i) Jawatan : Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
- ii) Gred Jawatan : S52
- iii) Kekosongan : 1
- iv) Syarat Kelayakan :

Timbalan Ketua Pustakawan Gred S48 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Gred S52 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v) Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji S52

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM5,750.00	RM12,348.00	RM290

2. i) Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
- ii) Gred Jawatan : F44
- iii) Kekosongan : 1
- iv) Syarat Kelayakan :

Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan Gred F44 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v) Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji F44

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM3,602.00	RM10,504.00	RM250.00

3. i) Jawatan : Penolong Bendahari Kanan
ii) Gred Jawatan : W44
iii) Kekosongan : 1
iv) Syarat Kelayakan :

Penolong Bendahari Gred W41 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Bendahari Kanan Gred W44 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
- b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v) Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji W44

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM3,600.00	RM10,456.00	RM250.00

Kumpulan Pelaksana 1

1. i) Jawatan : Pegawai Eksekutif Kanan
ii) Gred Jawatan : N32
iii) Kekosongan : 1
iv) Syarat Kelayakan :

Pegawai Eksekutif Gred N29 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Eksekutif Kanan Gred N32 yang kosong apabila telah :

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
- b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v) Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N32

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,844.00	RM6,256.00	RM155.00